

Seminar semai rasa cinta sastera

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menganjurkan Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja 2009 semalam bertujuan memperkasa kesusasteraan Melayu di peringkat awal.

Ketua Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBMK) UPM, Prof Madya Dr Arba'ie Sujud, berkata seminar itu titik permulaan untuk menyemai rasa cinta terhadap sastera, selain mengetahui sejauh mana kedudukan sastera di kalangan masyarakat kini.

Beliau berkata, sastera sesuatu yang menyeronokkan selain menghiburkan dan boleh digunakan sebagai medium untuk mendidik.

"Kesedaran jati diri untuk melahirkan kecintaan pada sastera perlu dipupuk daripada kanak-kanak iaitu melalui pendidikan yang disalurkan di sekolah kerana ia warisan yang perlu dijaga setiap generasi.

"Sukar menghapuskan persepsi masyarakat kini yang menganggap sastera itu tidak penting dan bagi saya



DR ARBA'IE
...pertahan warisan



ZAHRAH...bentuk pemikiran kreatif

kita belum terlambat untuk mempertahankan warisan ini kerana ia tanggungjawab bersama," katanya di sini, semalam.

Program yang dianjurkan kali kedua ini menerima lebih 250 peserta terdiri daripada mahasiswa FBMK, penggiat sastera dan pendidik beberapa universiti tempatan.

Dr Arba'ie berkata, hasil penyelidikan dan pembentangan di seminar itu nanti akan diterbitkan sebagai dokumentasi yang boleh dijadikan rujukan semua peringkat masyarakat terutama pendidik.

Sementara itu, Pegawai Perancang Bahasa DBP, Zahrah Ibrahim, berkata sebanyak 20 kertas kerja akan dibentangkan dan program terbabit turut dijadikan acara tahunan antara DBP dan UPM.

"Selain UPM, DBP akan bekerjasama dengan semua institusi pengajian sebagai langkah awal ke arah pengiktirafan komuniti terhadap kanak-kanak dan remaja melalui kesusasteraan.

"Sastera boleh membentuk pemikiran kreatif lebih-lebih lagi untuk menghasilkan karya seperti pantun, syair, gurindam, cerpen dan puisi," katanya.